

CNS9399

R GB 31-12 00139 BH129

bah

Mahathir - Perutusan (EMBARGO: Untuk siaran selepas pukul 9 malam)
PM MINTA SEMUA PIHAK TENTUKAN EKONOMI NEGARA TERUS TUMBUH
KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr
Mahathir Mohamad malam ini meminta kerjasama semua pihak untuk menentukan
ekonomi negara terus mencatat kadar pertumbuhan yang dikehendaki.

Katanya, ini penting kerana pembangunan dan kemajuan negara bergantung
kepada pertumbuhan ekonomi yang sihat dan berterusan.

+Tanggung jawab menentukan ekonomi negara akan terus berkembang dengan
baik bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata. Ianya merupakan
tanggungjawab dan tugas semua pihak, + katanya dalam perutusan Tahun Baru
melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Katanya, rakyat boleh memainkan peranan dengan berjimat-cermat dan
tidak berbelanja boros bagi membsndung inflasi.

Mereka juga, katanya, hendaklah meningkatkan simpanan supaya dapat
digunakan untuk pelaburan yang produktif. --Lagi

♥31/12/18-16MST

CNS9401

R GB 31-12 00128 BH130

bah

Mahathir - Perutusan 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Ka tanya, simpanan yang kukuh diperlukan bagi menjamin pelaburan dalam
negeri dapat dipertingkatkan.

Para pekerja pula, kata Dr Mahathir, boleh menyumbang dengan
meningkatkan lagi produktiviti, kecekapan dan tidak membuat tuntutan
kenaikan gaji yang tidak munasabah.

+Sebarang peningkatan upah hendaklah dibuat selaras dengan peningkatan
produktiviti, + katanya dan menambah bahawa kenaikan upah yang tidak diikuti
dengan produktiviti yang lebih tinggi akan hanya menyebabkan barang-barang
keluaran Malaysia menjadi tidak kompetitif.

Apabila ini berlaku, fratanya, yang sama-sama rugi ialah pekerja sendiri
di samping majikan dan negara.

Bagi para pengeksport, katanya, mereka hendaklah lebih agresif dan
membuat penyesuaian yang perlu untuk merebut peluang-peluang yang muncul
daripada perubahan senario ekonomi, dan politik antarabangsa. ---Lagi

♥31/12/18-22MST

R GB 31-12 00164 BH131

bah

Mahathir - Perutusan 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Katanya, mereka juga harus berani menerokai pasaran-pasaran baru dan bukan sahaja menghadkan kepada pasaran tradisional untuk meluaskan pasaran barangan Malaysia.

+Dalam hal ini, kerajaan telahpun membuka jalan dengan menjalin dan meningkatkan hubungan dengan negara-negara Selatan. Terpulanglah kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk menyambut kesempatan daripada keadaan ini,+katanya.

Sambil mengakui Malaysia mempunyai sumber-sumber yang mencukupi seperti sumber asli dan sumber manusia yang berkemampuan untuk menjadi sebuah negara maju, beliau berkata, kekayaan itu tidak mencukupi sekiranya tidak diiringi dengan perubahan sikap 'dan 'disiplin di kalangan rakyatnya.

Katanya, sikap-sikap negatif yang boleh menghalang pencapaian prestasi yang lebih cemerlang hendaklah digantikan dengan nilai-nilai murni seperti rajin bekerja dan amanah, serta ditambah dengan disiplin yang tinggi untuk menjamin negara terus maju dan makmur.

Dr Mahathir berkata, walaupun ekonomi negara pada ketikaini amat membanggakan, kerajaan dan rakyat juga harus berhati-hati kerana pertumbuhan yang tinggi itu mungkin tidak akan berterusan. -- Lagi

♥31/12/18-25MST

R GB 3.1-12 00135 BH132

bah

Mahathir - Perutusan 4 Kuala Lumpur (Embargo)

Katanya, ekonomi negara dijangka mengalami proses Irons plidasis selepas tumbuh dengan pesat selama lima tahun berturut-turut.

+Walaupun tanda-tanda awal menunjukkan bahawa pemulihan (ekonomi dunia) sedang berlaku, terutama di Jepun dan Amerika Syarikat, kebanyakan ekonomi negara-negara perindustrian masih lembab,+katanya.

Katanya, perkembangan-perkembangan terbaru dalam rundingan Perjanjian Am mengenai Tariff dan Perdagangan (GATT), Kesatuan Eropah (EC) dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), di samping membuka peluang-peluang baru, juga dijangka akan memberi cabaran kepada ekonomi Malaysia.

Oleh yang demikian, katanya, Malaysia menjangkakan ekonominya akan tumbuh pada kadar lapan peratus tahun depan berbanding dengan 8.5 peratus tahun ini.

+Walaupun ini satu kadar yang masih menggalakkan, kita tidak boleh lagi ambil mudah pertumbuhan ekonomi akan selalunya tinggi,+katanya. -- Lagi

♥31/12/18-27MST

bah

Mahathir - Perutusan 5 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Daripada sudut politik, Dr Mahathir menegaskan perlunya rakyat Malaysia terus memelihara perpaduan dan keharmonian kaum yang sedia ada agar negara terus mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan.

+Tanpa kestabilan politik, kita tidak akan berjaya mencapai taraf negara maju yang kita idamkan, +katanya sambil mengajak rakyat Malaysia menjadikan persengketaan kaum di beberapa negara di dunia ketika ini sebagai pengajaran kerana persengketaan itu bukan sahaja menyebabkan rakyat sengsara tetapi juga sukar ditamatkan.

Beliau, yang memulakan perutusannya dengan mengajak rakyat bersyukur kerana masih dapat menyambut Tahun Baru dalam suasana yang aman dan tenteram berkata, keamanan dan kestabilan yang dialami negara ketika dunia sedang bergelora adalah rahmat dan nikmat yang besar yang perlu dihargai.

Justeru itu, katanya, kerajaan dan rakyat harus bertambah bersyukur dengan prestasi dan keadaan yang negara alami sepanjang 1992 yang mana ianya adalah dengan izin Allah, S.W.T serta berkat sikap kesederhanaan dan usaha gigih rakyat berbilang kaum.

+Saya yakin jika semua pihak menjalankan tanggungjawab dan peranan mereka dengan berkesan dan berusaha bersungguh-sungguh, negara akan dapat menghadapi segala cabaran di dalam tahun 1993 dan tahun-tahun akan datang, +katanya.

Dr Mahathir mengalthiri perutusannya dengan mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat Malaysia dan berharap agar tahun 1993 akan memberi lebih banyak kejayaan dan kemakmuran kepada rakyat dan negara ini.--

Bernama

▼31/12/18-30MST